

Isu Gelandangan dan Keciciran Pendidikan dalam kalangan Gelandangan Kanak-Kanak

(Issue of Homelessness and Schoold Dropout among Homeless Children)

Mohd Alif Jasni^{1*}, Nazirah Hassan², Fauziah Ibrahim³, Mohammad Rahim Kamaluddin⁴

¹Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia;

Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah, Malaysia;

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nazirah@ukm.edu.my

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: ifauziah@ukm.edu.my

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: rahimk@ukm.edu.my

ABSTRAK

Keciciran gelandangan kanak-kanak di dalam pendidikan menjadi suatu isu yang membimbangkan. Ketiadaan peluang untuk gelandangan kanak-kanak ini mendapat akses kepada pendidikan menjadikan mereka sering mengalami keciciran dalam mendapatkan peluang kepada pendidikan. Kertas konsep ini cuba membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan kanak-kanak ini mengalami keciciran dalam pendidikan. Antaranya seperti faktor kesihatan mental ibu bapa, dokumentasi, kegagalan institusi kekeluargaan, kesempitan ekonomi keluarga dan lokasi tempat tinggal. Keadaan ini telah memberikan kesan yang kurang baik kepada gelandangan kanak-kanak. Ia boleh melibatkan kesan kepada gelandangan kanak-kanak sendiri, termasuk ibu bapa, masyarakat, kerajaan dan negara. Kertas konsep ini turut membincangkan tentang cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyediakan peluang pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak; seperti kekurangan dana dan ketiadaan kerjasama daripada ibu bapa gelandangan kanak-kanak. Diharap kertas konsep ini dapat memberi pendedahan kepada bidang ilmu dalam memahami isu pendidikan dan gelandangan kanak-kanak yang tercicir daripada peluang pendidikan.

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohd Alif Jasni

(mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

KATA KUNCI:

Gelandangan kanak-kanak

Keciciran pendidikan

Faktor

Kesan

Cabaran

KEYWORDS:

Child homelessness

Education

Factors

Effects and challenges

CITATION:

Mohd Alif Jasni et al. (2022). Isu Gelandangan dan Keciciran Pendidikan dalam kalangan Kanak-Kanak Terbiar.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7(8), e001692.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1692>

ABSTRACT

The dropout of homeless children in education is a worrying issue. The lack of opportunities for these homeless children to get access to education makes them often drop out in getting opportunities for education. This concept paper tries to discuss the factors that cause these children to drop out of education. Among them are factors such as parents' mental health, documentation, failure of family institutions, family economic constraints and location of residence. This situation has had a bad effect on homeless children. It can involve the impact on the homeless children themselves, including the parents, the community, the government and the country. This concept paper also discusses the challenges faced by the government in providing educational opportunities to homeless children; such as lack of funds and lack of cooperation from the parents of homeless children. It is hoped that this concept paper can give exposure to the field of knowledge in understanding the issue of education and homeless children who drop out of educational opportunities.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kertas konsep ini apabila membincangkan isu keciciran pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak. Perbincangan kertas konsep ini boleh memberi ilham baru buat pengkaji-pengkaji seterusnya untuk memfokuskan lebih banyak kajian tentang isu keciciran pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak dan sekaligus berusaha mencari strategi dan jalan penyelesaian yang berkesan.

1. Pengenalan

Pendidikan adalah keperluan asas yang perlu diperolehi oleh setiap orang. Hal ini kerana pendidikan berupaya untuk mengubah nasib seseorang. Seseorang yang memperoleh ilmu pengetahuan yang mencukupi dapat mengubah kehidupannya pada masa depan. Pendidikan adalah satu perbuatan atau proses pembangunan dengan cara menyampaikan sesuatu maklumat serta menerima maklumat yang disampaikan dengan cara menuntut ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat tiga jenis formal pendidikan iaitu pendidikan formal, pendidikan non-formal dan pendidikan informal. Tiga jenis pendidikan mempunyai peranan masing-masing dan akan membawa manfaat masing-masing jika berpendidikan. Namun demikian, terdapat sekumpulan kelompok gelandangan kanak-kanak yang didapati sering terabai dan tercicir dari segi pendidikan disebabkan oleh keadaan hidup yang dilalui. Keadaan ini membuatkan pentingnya untuk meneliti tentang isu pendidikan yang perlu diperolehi oleh gelandangan kanak-kanak ini. Pendidikan kanak-kanak bergelandangan adalah satu perbuatan yang bermanfaat dan menyalurkan maklumat kepada kanak-kanak terbiar seterusnya mendedahkan pendidikan untuk pembangunan masyarakat. Pendidikan merujuk kepada bimbingan pendidik kepada pelajar dari segi perkembangan rohani dan jasmani (Prawiro, 2018). Dari segi sejarah, manusia telah mendapat iktibar dan ilmu dalam sejarah. Oleh itu, pendidikan sentiasa dihargai kerana pendidikan adalah sangat penting dan boleh digunakan dalam kehidupan sebenar untuk menyelesaikan masalah. Bukan itu sahaja, pendidikan dapat banyak memberi manfaat kepada seseorang, menambah ilmu bagi meningkatkan tarbiah diri dan akhlak.

Menurut Nan (2012), pendidikan kanak-kanak telah didorong oleh sistem pendidikan Inggeris sejak tahun 1950-an. Hanya mereka yang berkemampuan, seperti anak bangsawan, anak ahli perniagaan, atau anak keluarga yang agak kaya, berpeluang menerima pendidikan anak-anak. Ini kerana pendidikan itu mahal. Dari tahun 1950 hingga 1960, beberapa sosialis Kristian membina tadika di Malaysia. Tadika ini terletak di kawasan bandar atau dimiliki oleh institusi swasta. Oleh itu, hanya sebilangan kecil kanak-kanak berpeluang menghadiri prasekolah rendah (Nan, 2012). Sebaliknya, banyak keluarga yang tidak mempunyai kewangan atau anak-anak di rumah yang agak terpencil tidak berpeluang mendapat pendidikan awal. Pada tahun 1960 setelah Malaysia merdeka, Malaysia menyedari bahawa perlu meningkatkan pendidikan kanak-kanak orang dengan keadaan ekonomi yang lebih buruk. Oleh itu, pendidikan kanak-kanak secara beransur-ansur berkembang di Malaysia. Revolusi pada tahun 1969 mengubah nasib anak-anak dari keluarga miskin dan pelbagai kaum iaitu orang Melayu, orang Cina dan orang India. Hal ini disebabkan oleh Persatuan Pekerja Malaysia mendapat sumbangan dari Asian Fund. Selepas tahun 1993, Pengajian Malaysia telah diperkenalkan buat pertama kali sebagai sekolah rintis Kementerian Pendidikan. Hari ini, panduan pendidikan prasekolah Malaysia telah digantikan dengan kurikulum PERMATA kepada kanak-kanak yang berumur 0 hingga 4 tahun dan kurikulum prasekolah kebangsaan bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun. Panduan ini telah menjadi rujukan utama bagi kanak-kanak yang berpendidikan awal.

Sejak tahun 1993 hingga sekarang, kerajaan Malaysia cenderung dalam menitikberatkan pendidikan anak-anak. Walaupun kementerian pendidikan Malaysia mengeluarkan panduan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak yang berumur 0 hingga 6 tahun namun ia masih tidak memberi keberkesanan dalam menangani isu keciciran pendidikan dalam kalangan gelandangan. Oleh itu, penulis akan membincangkan isu gelandangan dan pendidikan dalam kalangan kanak-kanak. Kajian tentang isu gelandangan dan pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak berlaku di negara ini adalah sangat kurang. Oleh hal yang demikian, pada hari ini taburan kanak-kanak menjadi gelandangan telah berlaku di merata tempat. Kanak-kanak ini dapat diibaratkan sebagai kain putih yang perlu dicorakkan dengan baik kerana mereka merupakan kurniaan daripada Tuhan kepada ibu bapa. Namun begitu, pelbagai berita yang boleh didapati di surat khabar, televisyen ataupun saluran sosial media tentang isu gelandangan kanak-kanak di merata tempat. Kegagalan gelandangan kanak-kanak ini dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna menyebabkan perbincangan kertas konsep menjadi sangat penting. Keperluan dalam membincangkan isu pendidikan dalam kalangan kanak-kanak dengan lebih teliti. Pemahaman yang lebih jelas membolehkan pengenalan kepada strategi mahupun intervensi yang dapat meningkatkan kebolehpayaan gelandangan kanak-kanak ini mendapat akses kepada pendidikan. Ternyata, pendidikan ini amat penting untuk disediakan kepada gelandangan kanak-kanak dengan harapan ia boleh menjadi kepada medium perubahan dalam diri gelandangan kanak-kanak. Akses kepada pendidikan membolehkan gelandangan kanak-kanak ini mengubah nasib apabila memasuki alam dewasa kelak. Dengan itu, penulis akan meneruskan perbincangan kertas konsep dengan mengupas tentang isu pendidikan dan kanak-kanak terbiar di dalam bahagian seterusnya.

2. Pendidikan dan Kanak-Kanak Terbiar

Dengan situasi hidup golongan gelandangan di jalanan telah menyebabkan pendidikan sememangnya tidak dititikberatkan oleh mereka walaupun ia merupakan keperluan asas bagi setiap individu. Ketiadaan keprihatinan terhadap kepentingan pendidikan

menyebabkan ramai di antara mereka yang tidak mengambil peduli tentang pendidikan ini. Keadaan ibu bapa yang daif juga menyukarkan mereka untuk menyediakan keperluan pendidikan kepada anak-anak mereka. Apabila membincangkan isu keciciran pendidikan ini, ia boleh melibatkan pelbagai faktor. Antaranya ibu bapa yang tidak langsung mengambil tahu tentang pendidikan anak-anak, ketiadaan kewangan dalam menghantar anak ke sekolah, ketiadaan dokumen rasmi, dan boleh juga disebabkan kanak-kanak sendiri yang tidak mempunyai minat dalam mendapatkan pendidikan tersebut. Situasi sebegini umpama sudah jatuh ditimpa tangga terutamanya kepada gelandangan kanak-kanak kerana mereka dinafikan peluang untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Bukan itu sahaja, sebahagian daripada mereka juga tidak mempunyai dokumentasi yang lengkap seperti sijil kelahiran kerana sebahagian besar daripada mereka hidup sendiri ataupun hidup dengan ibu atau bapa tunggal. Naratif ini menyukarkan gelandangan kanak-kanak ini untuk mendapatkan pendidikan yang formal dan dikhuatiri akan meneruskan cara hidup yang buta huruf di sepanjang hidupnya. Cara hidup ini juga berkemungkinan besar akan diteruskan oleh zuriat mereka kerana tidak mempunyai akal yang rasional dan tahap pendidikan yang rendah.

Gelandangan didefinisikan sebagai golongan yang ketiadaan tempat tinggal yang tetap dan cara hidup berubah secara tiba-tiba yang berkait dengan masalah kewangan. Menurut laporan [Jabatan Kebajikan Masyarakat \(JKM\) \(2018\)](#) pada tahun 2012 hingga 2015, golongan gelandangan meningkat sebanyak 24.86 % ([Malaysia, 2019](#)) manakala menurut laporan *United Nation Comission on Human Right* (UNCHR) di negara United Kingdom (UK), golongan gelandangan pada tahun 2005 mencatatkan amaun sebanyak 109, 209 orang ([Yap, 2018](#)). Isu gelandangan bukan lagi satu isu di seluruh negara maka isu gelandangan ini sudah menjadi satu norma di seluruh sudut negara. Menelusuri maksud permasalahan tersebut, selain daripada keterbatasan dalam menyediakan keperluan asas seperti tempat tinggal, kegagalan penyediaan platform pendidikan kepada keluarga gelandangan juga menjadi satu isu yang kritikal dan tidak boleh dipandang enteng sama sekali. Permasalahan yang paling utama yang dapat diketengahkan adalah mentaliti yang rendah dalam golongan gelandangan dewasa yang tidak mengetahui kepentingan pendidikan yang mampu mengubah hala tuju kehidupan anak-anak menjadi lebih baik ([Daryati, 2003](#)). Hal ini kerana, mereka tidak memahami nilai insan manusia dan tidak mampu merancang masa depan yang cerah kepada anak-anak melalui akses pendidikan yang diberikan. Dalam mengupas isu ini, golongan gelandangan dewasa seperti ibu bapa tidak merancang inisiatif untuk keluar dari kemelut kemiskinan. Kebanyakan mereka sering mengamalkan sikap hedonisme di mana hanya ingin memastikan kelangsungan hidup pada hari tersebut tanpa memikir tentang apa yang berlaku pada keesokan hari atau hari seterusnya. Mereka sering mempunyai pandangan bahawa anak-anak mereka dapat melalui kehidupan dewasa tanpa mempunyai pendidikan yang lengkap. Hal ini akan mengakibatkan mereka terus terjerat dalam kemiskinan kerana tiada jalan keluar. Secara tidak langsung, penghargaan dan minat anak-anak untuk menuntut ilmu juga akan berkurangan sebagaimana contoh yang diberikan oleh ibu bapa bak kata pepatah bapa borek, anak rintik. Sepatutnya mereka harus berfikiran holistik untuk anak-anak agar kehidupan masa depan anak-anak cerah dan terjamin. Sikap ibu bapa sebegini yang menyebabkan gelandangan kanak-kanak menjadi terabai dari segi pendidikan. Keadaan sebegini akan menyebabkan gelandangan kanak-kanak akan melalui kehidupan bergelandangan sepanjang hidup sehingga memasuki alam dewasa kelak.

Selain itu, kekurangan kelengkapan dokumen seperti dokumen pengenalan diri, penyata kewangan ibu bapa dan dokumen asas yang diperlukan untuk mendaftar bagi

mendapatkan pendidikan tidak dapat dipenuhi. Dalam meneliti hal ini, untuk mengakses kepada pendidikan yang digazet oleh kerajaan Malaysia, dokumen peribadi amat penting untuk membezakan keistimewaan yang boleh dikecapi oleh warganegara seperti Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) Malaysia (2019). Bantuan ini memfokuskan untuk memenuhi keperluan asas pelajar golongan tidak berkemampuan dengan berkesan. Kerajaan amat prihatin akan golongan yang kurang bernasib baik namun kekurangan dokumen peribadi diri telah menyebabkan keluarga golongan gelandangan tersisih dan terbiar dari segi pendidikan ini. Hal ini amatlah jelas bahawa kepincangan kelengkapan dokumen peribadi juga menyebabkan keluarga gelandangan sukar mendapatkan pendidikan yang formal dan baik.

Pendidikan secara asasnya tidak mempunyai batasan usia tidak kira sama ada kanak-kanak, remaja atau dewasa. Permasalahan kajian yang seterusnya adalah dokumentasi yang tidak lengkap menyebabkan golongan gelandangan terutamanya kepada kanak-kanak kehilangan peluang untuk berpendidikan (Ibeng, 2021). Hal ini disebabkan oleh ibu bapa yang tidak bertanggungjawab membiarkan anak mereka di tepi jalan ataupun di tempat yang sempit selepas anak mereka dilahirkan (Nor Azlinda, 2019). Bertitik tolak dari hal ini, kanak-kanak yang dilahirkan tidak dapat didaftar atau diiktiraf sebagai warganegara di mana tempat kelahiran mereka. Hal ini akan menyebabkan kanak-kanak itu tidak mempunyai dokumentasi yang lengkap. Apabila kanak-kanak itu tidak mempunyai dokumentasi yang lengkap maka kanak-kanak itu akan hilang kelayakan untuk mendapatkan pendidikan dan akan menyebabkan banyak masalah akhirnya menjadi sebagai gelandangan.

Bukan itu sahaja, ibu bapa yang melakukan seks pada umur yang tidak berpatutan dan mengakibatkan mengandung juga membawa kepada berlakunya anak-anak yang tidak didaftar secara rasmi (Jewinly, 2014). Keadaan ini berlakunya lebih ramai anak-anak yang tidak mempunyai dokumentasi yang lengkap seperti, kad pengenalan, sijil kelahiran. Ketiadaan dokumen rasmi yang lengkap ini menyukarkan kanak-kanak ini mendapatkan pendidikan secara formal. Mereka tidak mempunyai kelayakan untuk berpendidikan di sekolah kerajaan. Hal ini demikian kerana tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan untuk melaporkan diri di sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Kesannya, kanak-kanak akan menjadi sebagai seorang gelandangan sebab tidak ada mempunyai sebarang maklumat atau dokumen yang dapat mengesahkan identiti mereka. Selain itu, mereka juga akan tidak mempunyai peluang untuk berpendidikan dan kehilangan hak sebagai rakyat di negara yang dilahirkan. Akibatnya lebih daripada itu, anak kepada gelandangan juga akan ikut langkah ibu bapanya dan generasi yang akan datang juga akan menyambung kitaran ini. Jelasnya, isu gelandangan akan semakin meningkat di tahun-tahun yang mendatang. Gelandangan kanak-kanak ini akan menjadi pelapis gelandangan apabila memasuki alam dewasa dan turut cenderung menjalani kehidupan gelandangan sepanjang hayatnya. Keadaan ini menyebabkan gelandangan kanak-kanak ini berada dalam kitaran yang destruktif apabila berterusan menjalani kehidupan jalanan sehingga meningkat usia.

Di samping itu, permasalahan kajian ketiga adalah kurangnya peranan kerajaan dalam menyediakan peluang pendidikan untuk kanak-kanak (Siti Masayu, 2019). Oleh itu, kurangnya perhatian pemerintah terhadap pendidikan kanak-kanak juga menyebabkan tidak ada kemajuan dalam pendidikan anak-anak. Kekurangan pendidikan dalam golongan kanak-kanak akan membawa impak yang serius kepada kanak-kanak. Ini kerana kanak-kanak tanpa pengetahuan asas mereka akan menghadapi cabaran-cabaran apabila belajar sekolah rendah. Dalam situasi yang begini, mereka akan

menghabiskan pembelajaran setakat sekolah rendah dan tidak akan menyambung pembelajaran di sekolah menengah. Terdapat ramai gelandangan kanak-kanak yang tidak berminat untuk mendapatkan pendidikan yang formal. Hal ini berpunca daripada minat terhadap pendidikan yang tidak diterapkan kepada gelandangan kanak-kanak oleh ibu bapa mereka. Perasaan tidak minat kepada pendidikan menjadikan gelandangan kanak-kanak ini lebih memilih untuk mendapatkan langsung terus pendidikan. Hakikatnya, situasi begini sudah menjadi norma dalam kalangan gelandangan pada hari ini. Gelandangan kanak-kanak yang tidak dapat menahan tekanan dalam pembelajaran maka mereka memilih hidup bergelandangan. Terdapat daripada yang akan mencari peluang untuk bekerja dalam mendapatkan pendapatan. Ketiadaan pendidikan memberi kesan yang besar sehingga masuk ke alam dewasa. Keadaan menjadi lebih meruncing apabila majikan kebanyakannya memilih untuk mengupah atau menggaji pekerja yang mempunyai sijil dan berkelulusan tinggi. Maka dengan itu, golongan gelandangan kanak-kanak yang tidak menghabiskan pembelajaran sekolah menengah akan menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan yang bagus ketika memasuki alam dewasa. Kebanyakan mereka hanya dapat bekerja sebagai seorang pekerja buruh umumnya secara berterusan untuk meneruskan kehidupan pada setiap hari. Apabila mereka memilih tidak dapat menahan keperitan kerja berat, maka isu gelandangan dalam negara akan semakin meningkat. Oleh itu, mereka memilih untuk menjadi sebagai seorang gelandangan daripada setiap hari bekerja keras demi kos kehidupan pada setiap hari. Keadaan ini membuktikan pendidikan ini mempunyai impak yang tinggi kepada perubahan hidup dalam gelandangan kanak-kanak. Tanpa pendidikan yang formal boleh menyebabkan gelandangan kanak-kanak ini akan berterusan dengan kehidupan bergelandangan sepanjang hayat.

3. Faktor Penyebab Keciciran Gelandangan Kanak-Kanak (Anak Jalanan) Dalam Isu Pendidikan

Kanak-kanak merupakan golongan yang tertakluk pada usia 4 tahun hingga 12 tahun. Oleh itu, kanak-kanak merupakan insan yang paling naif dan tidak bersalah umpama sehelai kain putih yang belum dicorakkan. Namun begitu, amatlah mendukacitakan kerana masih wujudnya banyak gelandangan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat pada hari ini bukan sahaja di negara kita malahan juga di negara-negara lain seluruh dunia. Sehingga hari ini, masih ramai gelandangan kanak-kanak yang mengalami keciciran dan dalam pendidikan. Menurut [Reuters \(2019\)](#), terdapat lebih 200 ribu kanak-kanak di England terpaksa hidup sebagai gelandangan dan terpaksa berpindah-randah ke merata-rata tempat disebabkan tidak mempunyai tempat kediaman yang tetap. Malahan, keadaan sebegini turut berlaku di dalam konteks tempatan apabila gelandangan kanak-kanak mengalami keadaan tidak berupaya mendapatkan pendidikan yang sempurna. Pelbagai faktor yang wujud apabila membincangkan faktor keciciran pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak. Bagi penulis, faktor yang wujud ini hadir dalam bentuk pelbagai dan bertindih. Kehadiran beberapa faktor secara bersama boleh menyebabkan kecenderungan yang lebih tinggi untuk seseorang gelandangan kanak-kanak ini mengalami keciciran dalam pendidikan. Maka, dengan itu, amat penting buat kertas konsep untuk membincangkan dengan teliti tentang isu ini bagi memberi gambaran yang menyeluruh. Kertas konsep ini cuba melampirkan faktor-faktor yang menyebabkan berlaku keciciran gelandangan kanak-kanak dalam isu pendidikan. Antaranya seperti berikut:

3.1. Faktor Kesihatan Mental Ibu Bapa

Antara faktor yang menyebabkan gelandangan kanak-kanak terus terjebak dalam isu pendidikan menurut kajian oleh [Ku Basyirah, Mohd Suhaimi dan Norulhuda \(2017\)](#) adalah disebabkan faktor kesihatan mental ibu bapa kanak-kanak tersebut. Kos sara hidup yang tinggi dan bebanan tanggungan keluarga yang berat dihadapi oleh golongan gelandangan telah membawa kepada masalah kesihatan mental seperti tekanan berlebihan, depresi serta masalah keresahan. Masalah ini merupakan isu yang serius kerana mereka ini tidak mempunyai akses kepada kemudahan kesihatan sama ada kerajaan mahupun swasta disebabkan oleh kekangan dokumentasi. Bukan itu sahaja, mereka juga dipandang rendah oleh masyarakat berdasarkan latar belakang dan status kehidupan mereka yang tidak sah serta tidak mempunyai taraf warganegara seperti rakyat lain. Tekanan dan pandangan serong oleh masyarakat menyebabkan isu mental mereka berpotensi menjadi bertambah parah ([Mohd Iskandar, 2021](#)). Penjelasan [Ku Basyirah et al. \(2017\)](#) dalam kajiannya, kewujudan gelandangan ibu bapa yang mempunyai masalah mental akan menyebabkan mereka mengabaikan kepentingan pendidikan kepada anak-anak. Anak-anak juga cenderung untuk terjebak dengan pengaruh mental ibu bapa sama ada melalui pengaruh harian mahupun diwarisi melalui genetik. Kanak-kanak yang terdedah dengan masalah mental ini juga secara tidak langsung akan mengalami kesukaran dalam urusan pembelajaran mereka. Masalah yang dimiliki oleh ibu bapa juga akan terpalit kepada mereka juga sebagai seorang anak yang naif. Kanak-kanak yang berkemungkinan menghadapi masalah kefahaman dan masalah untuk menghadamkan sebarang ilmu dengan mudah kerana keadaan fikiran mereka yang terganggu dan tidak stabil. Keadaan ini amat membimbangkan apabila kesihatan mental ini telah menjejaskan kesejahteraan hidup gelandangan. Lantas, ia boleh memberi kesan kepada keciciran pendidikan apabila tidak dilihat sebagai keutamaan dalam hidup. Hal ini akan membuatkan gelandangan kanak-kanak mengalami keciciran pendidikan yang berpunca daripada masalah yang wujud dalam kalangan ibu bapa mereka.

3.2. Faktor Dokumentasi

Faktor kedua adalah tidak mempunyai sebarang dokumentasi yang dapat mengidentitikan pengenalan sendiri ([Siti Nur Aaisyah, 2019](#)). Dokumentasi adalah amat penting untuk seseorang atau individu kerana ia dapat membuktikan identiti diri sendiri dalam negara tersebut ([Siti Nur Aaisyah, 2019](#)). Kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen tersebut terpaksa menjadi seorang gelandangan dan berpindah merata tempat kerana boleh dianggap sebagai 'stowaway' atau pelarian jika ditangkap oleh pihak Imigresen. Keadaan ini menyukarkan buat gelandangan kanak-kanak ini untuk mendapatkan pendidikan formal. Ketiadaan dokumen yang lengkap membuatkan mereka tidak dapat mendaftarkan diri ke dalam sekolah. Keperluan melampirkan dokumen pengenalan rasmi bagi membolehkan akses kepada pendidikan ini. Dari sudut pendidikan, gelandangan kanak-kanak tidak mempunyai peluang untuk bersekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa persekolahan, pihak sekolah akan mewajibkan dokumentasi yang lengkap sebagai perekodan, maka sesiapa yang tidak mempunyai dokumentasi yang lengkap tidak dapat berdaftar ke sekolah. Seterusnya, faktor tambahan penglibatan gelandangan kanak-kanak dalam isu pendidikan adalah kurang peranan kerajaan dalam menyediakan peluang pendidikan untuk gelandangan kanak-kanak yang tidak mempunyai rekod pendaftaran rasmi. Hal ini demikian kerana, pihak kerajaan tidak mempunyai sejumlah modal yang besar untuk menyediakan kemudahan fasiliti sekolah ([Norhafizan & Aliza, 2018](#)) kepada gelandangan kanak-kanak yang

terpinggir ini. Keperluan dalam memberi kelonggaran dan pendaftaran buat gelandangan kanak-kanak yang tidak berekod ini. Di samping itu juga, kerajaan perlu membolehkan akses yang lebih mudah gelandangan kanak-kanak agar dapat berpeluang menikmati pendidikan ini. Harapan yang besar ingin dicapai agar kanak-kanak ini tidak tercicir dalam arus pendidikan dan menjadi insan yang lebih berilmu di masa akan datang.

3.3. Faktor kegagalan institusi kekeluargaan

Selain itu, faktor institusi kekeluargaan yang gagal turut menyebabkan gelandangan dalam kalangan kanak-kanak terus menghadapi masalah pendidikan, contohnya seperti keganasan rumah tangga yang berlaku hasil daripada kelemahan asas ilmu kekeluargaan (Aratani, 2009). Keadaan institusi keluarga yang tidak stabil boleh menyebabkan pendidikan gelandangan kanak-kanak yang menjadi terabai. Hal ini berpunca daripada ibu bapa yang tidak menitikberatkan pendidikan anak-anak mereka menyebabkan gelandangan kanak-kanak tidak dapat mendapat akses kepada pendidikan. Hal ini berkait rapat dengan nasib anak-anak yang masih kecil kerana keluarga bertanggungjawab untuk memberikan kehidupan yang sempurna kepada anak-anak. Terdapat juga kanak-kanak ini yang tidak mempunyai ibu mahupun bapa disebabkan rata-ratanya tidak berkahwin dan hanya mempraktikkan gaya hidup songsang yang membawa kepada lahirnya anak luar nikah tanpa bapa di sisi sepanjang kehidupan mereka. Apabila institusi keluarga bermasalah, kanak-kanak akan terabai sama ada dari sudut kelengkapan jasmani dan rohaninya. Hasil daripada keadaan ini, kanak-kanak akan menjadi gelandangan di awal usia yang sepatutnya perlu menimba ilmu pengetahuan untuk masa depan mereka. Antara contoh institusi kekeluargaan yang gagal apabila ibu bapa tidak berkemampuan untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada anak-anak (Roche & Barker, 2017). Kegagalan memenuhi keperluan yang paling asas seperti tempat tinggal menjadikan pendidikan bukan antara keperluan asas yang penting untuk diperolehi. Tekanan hidup dan kehidupan serba kekurangan menyebabkan mereka mempunyai keperluan-keperluan lain yang jauh lebih penting seperti menjana pendapatan, mendapatkan tempat tinggal, memperoleh makanan dan sebagainya. Maka, ini menjadi pendidikan bukan lagi suatu yang menjadi keperluan penting untuk disediakan kepada anak-anak mereka. Sedangkan, akses kepada pendidikan amat penting buat gelandangan kanak-kanak. Ia adalah satu keperluan untuk kelangsungan hidup yang baik untuk semua anak-anak untuk mengubah nasib. Namun kehidupan bergelandangan akan mengakibatkan anak-anak lebih memilih untuk hidup tanpa mendapatkan sebarang pendidikan formal. Keadaan menjadi lebih meruncing apabila ibu bapa atau ahli keluarga tidak mempedulikan kesan dan akibat kanak-kanak menjadi gelandangan yang terdedah kepada pelbagai masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, seksual dan vandalisme. Institusi kekeluargaan yang gagal juga akan terus diwarisi dan masalah gelandangan kanak-kanak akan terus meningkat.

3.4. Faktor Kesempitan Ekonomi Keluarga

Di samping itu, faktor ekonomi keluarga kanak-kanak gelandangan juga merupakan faktor yang menyumbang kepada nasib mereka untuk terus terjebak dalam isu pendidikan di negara (Mstar, 2012). Keadaan hidup keluarga yang dalam serba kemiskinan adalah hasil daripada latar belakang ibu bapa mereka yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Rata-rata golongan gelandangan banyak melakukan kerja yang hanya mampu memperoleh pendapatan yang minima. Kegagalan

mendapatkan pekerjaan yang baik menyebabkan wujud dalam kalangan mereka yang beralih kepada pekerjaan yang tidak sah. Antaranya dengan mengedar dadah, melakukan jenayah kecil seperti mencuri dan terdapat juga yang melakukan aktiviti pelacuran. Situasi yang berlaku amat menyedihkan kerana ketiadaan peluang yang besar untuk para gelandangan ini mendapatkan pekerjaan yang stabil untuk mereka. Keadaan ini memberi impak yang besar kepada proses untuk membesarkan anak. Maka, dengan itu, anak-anak mereka mengalami kesukaran dalam melalui kehidupan. Malahan, lebih membimbangkan apabila golongan gelandangan ini didapati sering mempunyai anak dalam keadaan ramai. Keadaan sebegini boleh menjejaskan lagi tahap kehidupan disebabkan keperluan kewangan yang lebih besar dalam menjana kehidupan. Keadaan hidup mempunyai anak yang ramai menyukarkan ibu bapa ini untuk menghantar anak mereka dalam mendapatkan pendidikan formal. Keadaan ini juga membuka ruang kepada pengabaian ibu bapa mereka untuk menghantar mereka ke sekolah disebabkan faktor kewangan yang sempit. Mereka tidak mampu untuk menampung anak mereka untuk belajar di mana sekolah mahupun institusi pendidikan yang kecil. Dalam pada itu, kanak-kanak ini sejak kecil sudah dibelit dengan kesesakan untuk meneruskan hidup yang memaksa mereka untuk memberi perhatian kepada mencari mata pendapatan sahaja sepanjang kehidupan mereka (Ramli, 2021). Mereka tidak terdedah dengan kepentingan pendidikan serta ilmu pengetahuan. Mereka hanya tahu untuk mencari makanan dan duit demi meneruskan kehidupan sahaja tanpa menyedari tentang kepentingan memperoleh ilmu pengetahuan dalam diri masing-masing. Hal ini berpunca daripada perasaan minat terhadap pendidikan yang tidak diterapkan oleh ibu bapa kepada gelandangan kanak-kanak. Maka, dengan itu, mereka tidak melihat kepentingan buat mereka untuk mendapat akses kepada pendidikan formal ini.

3.5. Minat gelandangan kanak-kanak sendiri yang kurang terhadap pendidikan

Selain itu, faktor minat terhadap pendidikan juga turut memberi pengaruh kepada keciciran dalam pendidikan. Gelandangan kanak-kanak yang tidak diterapkan oleh ibu bapa tentang kepentingan pendidikan sepanjang membesar. Disebabkan oleh keadaan keluarga yang hidup dalam kemiskinan, menjadikan pendidikan bukan suatu keperluan yang diperlukan dalam hidup. Hal ini berpunca daripada pelbagai keperluan asas lain yang jauh lebih penting untuk dipenuhi sehingga membuatkan pendidikan ini tidak diberikan penekanan. Kehidupan gelandangan ini lebih banyak berasaskan kebebasan di mana peraturan yang kurang diterapkan. Ketiadaan peraturan ataupun kawalan yang memerlukan anak-anak mereka ini untuk belajar. Kebanyakan masa ibu bapa yang dihabiskan dengan memikirkan cara menjana pendapatan, membayar sewa bilik secara harian atau bulanan, mendapatkan makanan untuk meneruskan kehidupan pada hari tersebut. Maka, dengan itu istilah terhadap kepentingan pendidikan tidak menjadi asas penting dalam keperluan yang perlu dicapai oleh anak-anak mereka. Pemikiran sebegini amat membimbangkan apabila menerapkan perasaan kurang berminat dalam kalangan gelandangan kanak-kanak tentang aspek pendidikan ini. Gelandangan kanak-kanak lebih banyak menghabiskan masa berinteraksi dengan rakan-rakan senasib yang hidup di sesuatu kawasan yang sama. Gaya hidup yang diamalkan oleh ibu bapa turut memberi contoh yang kurang baik kepada anak-anak. Kesemua ini sering membawa gaya hidup yang kurang sihat dan akan berterusan diamalkan oleh gelandangan kanak-kanak yang lain.

3.6. Ketidakprihatinan ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan.

Selain itu, faktor ketidakprihatinan turut menjadi antara faktor yang sangat membimbangkan dalam kehidupan gelandangan ini. Ketiadaan bentuk prihatin yang diberikan semenjak kecil oleh ibu bapa kepada gelandangan kanak-kanak ini turut menyebabkan berlakunya keciciran pendidikan atau pelajaran ini. Hal ini menyebabkan ibu bapa yang tidak menghantar atau mendaftar anak-anak mereka ke sekolah disebabkan oleh pelbagai alasan yang dilakukan. Mereka mereka merasakan bahawa pendidikan bukan suatu yang diperlukan oleh anak-anak. Pemikiran yang tidak berpendidikan ini memberi pengaruh kepada perjalanan hidup gelandangan kanak-kanak. Majoriti ibu bapa bergelandangan yang memiliki status pendidikan yang sangat rendah telah membentuk suatu pemikiran bahawa pendidikan bukan suatu yang penting dan pendidikan tidak mampu membawa perubahan yang besar kepada perjalanan hidup. Hal ini kerana mereka melihat dirinya sebagai contoh apabila masih mampu menjalani kehidupan seperti biasa sehingga merasakan pendidikan tidak menjadi penting untuk difikirkan agar dapat disediakan. Maka, dengan itu, ia membawa sebagai suatu pengaruh yang buruk dalam diri gelandangan kanak-kanak apabila ibu bapa yang sepatutnya menjadi contoh yang baik tetapi membawa kepada pengaruh sebaliknya. Pandangan ketidakpentingan pendidikan telah ditanam sejak kecil. Ia juga boleh terjadi daripada pengaruh rakan-rakan sekeliling yang turut tidak menghantar anak ke sekolah. Kebanyakan melihat anak-anak ini boleh membantu keluarga dalam menjana pendapatan. Terdapat juga menjadikan anak yang ramai sebagai modus operandi dalam menjana pendidikan. Berlaku juga situasi di mana anak-anak yang dibawa bersama dalam melakukan aktiviti meminta sedekah. Aktiviti yang dipertunjukkan oleh ibu bapa ini membawa pengaruh buruk kepada anak-anak mereka bahawa kebolehan untuk menjana pendapatan dengan mudah. Dari kecil lagi mereka telah dipupuk tentang keupayaan dalam menjana pendapatan di kota raya sebagai pengemis, penjaga tempat letak kereta, membasuh pinggan di kedai dan sebagainya. Kesemua ini adalah berpunca daripada ketidakprihatinan ibu bapa dalam menyediakan peluang pendidikan kepada anak-anak mereka. Kesemua ini boleh menyebabkan anak-anak mereka yang terus hanyut dan tercicir daripada akses kepada pendapatan. Kesemua faktor yang dibincangkan ini memberi kesan yang besar kepada gelandangan kanak-kanak. Mereka tidak mendapat peluang untuk mengakses kepada pendidikan formal akhirnya. Keadaan ini sebegini mereka kesan untuk jangka masa panjang. Ketiadaan pendidikan formal menyebabkan mereka menjadi buta huruf dan tidak berpengetahuan. Kehidupan tanpa pendidikan menyukarkan untuk gelandangan kanak-kanak ini mempunyai pilihan yang pelbagai dalam hidup. Kebanyakan pilihan yang ada adalah meneruskan kehidupan gelandangan seperti biasa sepanjang hidup mereka.

4. Kesan Keciciran Pendidikan Gelandangan Kanak-Kanak

Kehidupan tanpa pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak ini memberi kesan yang besar bukan sahaja kepada kanak-kanak itu sendiri, malahan kepada ibu bapa, masyarakat dan negara. Keadaan ini disebabkan oleh ketiadaan pendidikan menyebabkan mereka akan menjadi tercicir dan tertinggal ke belakang. Peluang untuk mengubah nasib keluarga menjadi lebih sukar dengan ketiadaan pendidikan ini. Mereka akan berterusan dengan status sosioekonomi sedemikian disebabkan keciciran dalam pendidikan. Sehingga hari ini, kebanyakan pekerjaan yang mementingkan sijil dalam mendapat peluang kepada pekerjaan. Malahan, terdapat sesetengah pekerjaan yang mensyaratkan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai syarat untuk mendapatkan pekerjaan tersebut. Ia menjadi mustahil buat gelandangan kanak-kanak yang langsung tidak

mendapat peluang kepada pendidikan formal ini. Keadaan ini akhirnya membuatkan peluang mereka yang ada lebih kepada pekerjaan buruh, tidak tetap dan kasar dengan pendapatan yang sangat minima. Ketiadaan pendidikan juga memberi kesan jangka masa panjang yang lain. Hal ini kerana disebabkan pekerjaan yang tidak stabil turut menyebabkan mereka akan ditipu gaji, diberikan gaji minima, dan dilayan dengan penuh diskriminasi oleh majikan. Kesan sebegini yang paling membimbangkan apabila mereka akan hidup di kelompok status ekonomi yang paling bawah sepanjang hayat apabila meningkat dewasa kelak.

Bagi pendapat penulis, wujudnya satu peribahasa menyatakan bahawa “ membaca jambatan ilmu”. Peribahasa ini merefleksikan kepentingan ilmu kepada setiap orang bukan sahaja orang yang berpendidikan sahaja. Ilmu itu mempunyai darjat yang sangat tinggi. Ia dapat memberi banyak kelebihan dalam hidup seseorang malahan mampu mengubah nasib sehingga membawa kepada peningkatan status ekonomi mereka juga. Dalam kehidupan harian, ilmu pengetahuan menjadi perisai yang paling ampuh dalam menangani kekangan sebarang isu atau masalah yang mendatang. Menerusi ilmu juga, membolehkan seseorang itu tidak mudah ditipu, dilayan dengan rendah dan memperbaiki kehidupan secara keseluruhannya. Hal ini kerana, dengan ilmu seseorang akan menjadi seorang yang berfikiran rasional dalam menjalani kehidupan seharian. Keadaan ini membuatkan penulis melihat betapa pentingnya ilmu kepada gelandangan kanak-kanak ini. Mereka perlu dipersiapkan dengan ilmu semenjak dengan harapan mereka ini menjadi pelapis baru dalam mengubah status ekonomi ahli keluarga mereka. Disebabkan hal ini, setiap orang mestilah berpendidikan agar mempunyai peluang untuk menjadi modal insan kepada negara yang dapat memberi sumbangan kepada negara. Dengan ilmu lagi, ia diharapkan dapat menghasilkan insan yang lebih produktif kepada negara. Mereka boleh menjana pendapatan yang bukan sahaja membantu dirinya malahan ahli keluarga dan adik-beradik juga. Kesemua ini masih amat kurang ditekankan oleh ibu bapa gelandangan ini kepada anak-anak mereka. Hal ini membuatkan lebih ramai gelandangan kanak-kanak yang mengalami keciciran dalam peluang kepada pendidikan. Maka, dengan itu, penting buat kerajaan dalam mengetahui tentang kesan buruk apabila gelandangan kanak ini mengalami keciciran dalam pendidikan. Keperluan dalam memperkenalkan strategi dalam memastikan peluang dan akses gelandangan kanak-kanak kepada pendidikan. Bukan itu sahaja, golongan gelandangan kanak-kanak tidak sepatutnya dipinggirkan oleh pelbagai pihak. Setiap pihak termasuk agensi kerajaan, bukan kerajaan dan masyarakat harus memainkan peranan penting dalam membantu menyalurkan intervensi yang mampu membantu gelandangan kanak-kanak ini dari segi pendidikan. Hal ini demikian kerana keciciran pendidikan gelandangan kanak-kanak akan membawa kesan kepada kanak-kanak, ibu bapa, masyarakat, pihak kerajaan serta negara. Berikut merupakan antara kesan yang boleh dihadapi apabila gelandangan kanak-kanak ini mengalami keciciran dalam pendidikan.

4.1. Kesan kepada kanak-kanak

Pertama sekali, penulis ingin membincangkan kesan keciciran itu kepada gelandangan kanak-kanak sendiri. Hal ini memandangkan gelandangan kanak-kanak merupakan subjek perbincangan utama yang ingin dibincangkan. Keciciran dalam pendidikan memberi kesan kepada perjalanan kehidupan gelandangan kanak-kanak ini untuk tempoh masa yang berpanjangan. Seperti yang diketahui oleh semua, kanak-kanak merupakan modal insan yang penting kepada negara. Modal insan ini haruslah dibangunkan melalui penyediaan persekitaran yang selamat dan kondusif. Keperluan

dalam memastikan akses pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak. Sebab itu, pada awal perbincangan, telah dibincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada keciciran dalam pendidikan. Keperluan buat setiap agensi dalam mencari kaedah untuk mencelah faktor tersebut. Isu gelandangan kanak-kanak ini sebagai isu yang sangat kritikal di dalam negara. Jumlah mereka yang sangat tinggi sebenarnya. Jumlah yang diketahui tidak melambangkan jumlah sebenar yang sebenarnya wujud. Hal ini kerana apabila membincangkan gelandangan kanak-kanak ini, ia turut melibatkan angka gelap yang tidak diketahui. Terdapat banyak kes yang tidak direkodkan dan diketahui oleh pihak kerajaan. Akhirnya jumlah yang diketahui hari ini tidak boleh dijadikan sebagai kayu ukur kepada realiti yang berlaku. Ia boleh jadi jauh lebih banyak dan sangat kronik. Keadaan yang lebih menyedihkan apabila penulis meneliti kepada situasi gelandangan kanak-kanak, mereka yang hidup sebagai kelas terbawah daripada hierarki sosial negara ini. Gelandangan kanak-kanak didapati tidak mempunyai persekitaran mahupun keadaan yang optimum untuk pembangunan ilmiah, sosial, fizikal, mental, sahsiah, serta pendidikan. Hal ini disebabkan dibesarkan di kawasan persekitaran yang tidak kondusif dan destruktif. Mereka dihadiri oleh rakan kanak-kanak yang turut memegang nasib yang sama. Akhirnya mereka tersekat dalam pengaruh dan budaya yang buruk sehingga menjadikan golongan ini terus berterusan tercicir kepada pendidikan. Menurut kepada Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan harus diberi perlindungan untuk mencegah dan bertindak balas terhadap pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi (Alias, Harlida, Yusramizza & Ain, 2018). Namun begitu, isu keciciran pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak masih lagi berlaku dalam negara kita walaupun terdapat jaminan daripada sistem perundangan negara. Hal ini amat menyedihkan untuk ditanggung kepada gelandangan kanak-kanak ini. Mereka yang tidak bersalah dan tidak mengetahui kesan yang boleh dihadapi apabila tercicir dalam pendidikan. Bagi mereka, kehidupan tanpa perlu ke sekolah sebagai suatu kebebasan yang menyeronokkan. Lantas, ia menunjukkan mereka tidak menyedari akan kesan yang akan berlaku apabila mereka di saat dewasa. Hal ini kerana apabila berada di usia dewasa, perkara sebegini tidak dapat dikembalikan semula. Pada ketika itu, mereka tidak dapat memikirkan tentang mendapatkan pendidikan semula disebabkan mempunyai perkara yang lebih penting iaitu menjana pendapatan untuk kelangsungan hidup. Maka, beberapa kesan penting yang dibincangkan di dalam kertas konsep bagi mendapatkan gambaran tentang kesan yang boleh wujud. Antara kesan dominan yang bakal dihadapi oleh gelandangan kanak-kanak apabila tercicir daripada pendidikan adalah: (i) Buta huruf, tidak berpendidikan dan berpengetahuan, (ii) Laluan kerjaya yang tidak tertentu, dan (iii) Terjebak dengan jenayah.

4.1.1. Buta Huruf, tidak berpendidikan dan berpengetahuan

Salah satu kesan besar yang boleh berlaku apabila mereka tidak menjadi tidak berpendidikan, tidak berpengetahuan dan paling malang sekali adalah buta huruf. Hal ini merupakan suatu yang membimbangkan terjadi kepada gelandangan kanak-kanak ini pada masa suatu hari kelak. Masalah buta huruf atau dikenali sebagai “*illiteracy*” merupakan satu fenomena di mana seseorang tidak mempunyai keupayaan untuk membaca dan menulis. Menurut kepada United Nation (PBB), buta huruf merujuk kepada ketidakupayaan untuk membaca atau menulis dalam perkataan yang mudah dalam mana-mana bahasa (The Columbia Electronic Encyclopedia, 2012). Menurut kepada Dewan Bahasa pula, buta huruf bermaksud individu yang tidak pandai membaca, menulis dan mengira (3M) (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Daripada statistik pada hari ini, Malaysia mempunyai kadar celik sebanyak 93% daripada seluruh penduduk

kita. Namun begitu, gelandangan kanak-kanak yang merupakan golongan yang terabai daripada sistem pendidikan mempunyai kadar buta huruf yang amat tinggi berbanding dengan kanak-kanak biasa. Ketiadaan pendidikan ini menyebabkan mereka menjadi jauh ketinggalan daripada kanak-kanak normal yang lain. Tanpa pendidikan awal, anak jalanan tidak dapat untuk memahami serta memberi deskripsi kepada minat mereka kerana mereka tidak mempunyai cara lain untuk mengekspresikan idea mereka. Pendidikan juga sebenarnya membentuk jati diri dan prinsip dalam kehidupan. Keadaan ini memberi kesan yang besar buat gelandangan kanak-kanak yang terpaksa tercicir dalam pendidikan. Mereka mengalami masalah buta huruf dan tidak berilmu. Lebih malang lagi, kehidupan tanpa ilmu membuatkan mereka lebih kurang dari segi pilihan dalam memperbaiki hidup. Tambahan pula, buta huruf juga akan menyebabkan mereka kehilangan keyakinan diri kerana tidak mampu untuk memahami perkara yang disebutkan oleh masyarakat umum. Situasi ini juga akan menyebabkan mereka terabai dalam penggunaan teknologi moden seperti Internet dan media sosial disebabkan buta huruf. Ini yang sedang berlaku dalam realiti buat gelandangan kanak-kanak ini. Mereka berterusan gagal dalam kehidupan sepanjang hayat dan tersekat dalam kelompok status ekonomi yang rendah selamanya.

Selain daripada itu, kadar buta huruf dalam kalangan anak jalanan juga bertambah secara eksponensial disebabkan oleh pandemik Covid-19 kerana kekurangan peranti untuk belajar secara jarak jauh (Hamid, 2021). Perkara ini turut dibincangkan apabila kegagalan gelandangan kanak-kanak ini dalam memperoleh peranti teknologi untuk belajar. Semenjak pandemik Covid-19 yang berlaku di dalam negara telah mengubah landskap pembelajaran dalam negara. Semakin banyak bentuk pendidikan yang dijalankan menerusi dalam talian dan teknologi. Ketiadaan peranti teknologi menyukarkan gelandangan kanak-kanak ini untuk mengakses pendidikan. Keadaan ini menyebabkan mereka menjadi jauh lebih ketinggalan akhirnya. Hal ini bukan sahaja akan menyebabkan anak jalanan hilang minat untuk belajar malah kadar celik dalam mereka juga akan berkurang. Ketinggalan dalam pelajaran membuatkan mereka jadi lebih kurang berminat kepada subjek atau mata pelajaran tersebut. Hal ini terbukti apabila minat terhadap pelajaran juga boleh tercetus daripada keupayaan seseorang untuk memahami sesuatu subjek tersebut. Kegagalan dalam memahami juga akan menyebabkan gelandangan kanak-kanak ini meninggalkan terus pendidikan dan tidak mengambil peduli terhadap kepentingan subjek pelajaran tersebut.

4.1.2. Laluan Kerjaya Yang Tidak Tertentu

Keciciran dalam pendidikan juga memberi kesan yang sangat besar terutama ketika lanjut ke usia dewasa. Hal ini kerana tanpa pendidikan menyebabkan laluan kerja yang menjadi tidak menentu. Ketiadaan pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak boleh memberi pengaruh kepada perjalanan kehidupan mereka kelak. Menurut kepada Siti Nur Aaisyah (2019), pendidikan formal dapat memberikan peluang kepada gelandangan kanak-kanak untuk menceburi laluan kerjaya yang diminati (Siti Nur Aaisyah, 2019). Harapan yang sangat tinggi apabila pendidikan ini untuk membantu mengubah nasib gelandangan kanak-kanak. Kesukaran menjadi lebih perit dalam kehidupan gelandangan kanak-kanak apabila membesar tanpa pendidikan yang formal. Mereka akan melalui kehidupan sepanjang hayatnya tanpa mempunyai pendidikan yang formal. Hal ini kerana sering menjadi mustahil untuk golongan gelandangan dewasa ini untuk mendapatkan pendidikan semula. Terdapat pelbagai perkara yang jauh lebih dalam kehidupan yang perlu dipenuhi. Kehidupan mereka akan dihabiskan dengan cuba memperoleh kehidupan yang jauh lebih penting dalam hidup. Maka, dengan itu, kegagalan

dan keciciran pendidikan dalam gelandangan kanak-kanak akan berterusan sehingga seumur hidup. Sedangkan pada hari ini, kebanyakan pekerjaan akan mensyaratkan sijil untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan. Tanpa pendidikan ini, menyebabkan laluan kerjaya buat gelandangan kanak-kanak kelak menjadi tidak menentu. Kebanyakan jenis pekerjaan yang dapat dilakukan adalah pekerjaan bawahan dan tidak stabil. Mereka akan terus mendapat pekerjaan bawahan dengan gaji yang sangat minima dan rendah. Daripada pencerahan ini, adalah amat jelas bahawa pendidikan juga merupakan satu komponen yang amat signifikan bagi seseorang untuk menceburi laluan kerjaya. Oleh itu, apabila golongan kanak-kanak tercicir daripada sistem pendidikan, mahupun dibuang oleh sekolah ataupun berhenti sekolah secara sukarela, hal ini akan menyebabkan mereka tidak mempunyai sijil akademik yang cemerlang dan tidak mempunyai peluang untuk memasuki bidang pekerjaan yang profesional seperti doktor, peguam, akauntan, guru dan sebagainya.

Secara umumnya, tanpa pendidikan dalam hidup gelandangan kanak-kanak sebenarnya akan memberi kesan yang sangat buruk dalam hidup mereka. Tambahan pula, kebanyakan gelandangan kanak-kanak turut tidak mempunyai kemahiran teknikal dan penguasaan teknologi ICT. Hal ini akan menyebabkan tiada majikan yang sanggup mengupah mereka dan mereka terpaksa mengalami eksploitasi seperti bekerja lebih masa, dibayar dengan gaji yang rendah (*underpaid*) dan tiada insurans pekerja. Perkara sebegini sebenarnya sering menimpa gelandangan dewasa apabila kehidupan tanpa pendidikan memberi kesan buruk pada mereka sendiri. Mereka juga tidak mempunyai banyak pilihan dalam memilih jenis pekerjaan. Namun, bagi pengamatan penulis, kebanyakan kerja yang dapat dilakukan tidak berbaloi dengan tenaga yang digunakan. Namun, realitinya mereka tidak mempunyai yang banyak. Mereka tidak boleh merungut mahupun marah. Hal ini disebabkan mereka sendiri sedar dengan keadaan mereka. Maka, dengan itu menyebabkan mereka akan menerima sahaja pekerjaan yang diberikan dan bekerja sahaja di mana majikan menerima mereka. Ia suatu realiti yang amat berat untuk diambil tetapi perkara sebegini sering dijangka apabila seseorang gelandangan kanak-kanak mengalami keciciran dalam pendidikan. Di samping itu, juga, perkara ini juga akan menyebabkan gelandangan kanak-kanak menceburi pekerjaan 3D dalam negara kita iaitu, *Dirty, Dangerous, dan Difficult* yang sektornya hampir dikuasai oleh warga asing (Ahmad Suhael, 2018). Situasi seperti ini akan menyukarkan lagi kehidupan gelandangan kanak-kanak dan akan menyebabkan mereka lebih cenderung untuk tidak bekerja ataupun terbabit dengan aktiviti yang tidak bermanfaat seperti mengemis dan mengutip sisa makanan. Pekerjaan sebegini menyebabkan mereka perlu menggunakan tenaga yang banyak dan cenderung mendapat penyakit pada usia muda. Ia belum termasuk penyakit-penyakit berkaitan psikologi seperti depresi, kegelisahan, tekanan dan sebagainya yang jarang dibincangkan. Gelandangan kanak-kanak ini turut menghadapi masalah psikologi disebabkan tekanan hidup yang dilalui. Ia bukan suatu memeranjatkan apabila memikirkan gelandangan kanak-kanak untuk mengalami penyakit psikologi sedemikian. Maka, apabila membincangkan kesan kepada keciciran pendidikan ini, ia membawa pelbagai implikasi dan kesan yang buruk. Sebagai modal insan yang penting untuk negara, mereka terpaksa mengalami kekangan sebegini kerana semata-matanya tidak memiliki pendidikan. Dengan itu, penting buat agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk memikirkan tentang isu yang berlaku dan mencari solusi yang bersesuaian dalam menceleh masalah yang wujud di dalam negara. Kebolehan untuk menceleh masalah yang berlaku ini dapat mengurangkan kesan yang boleh berlaku kepada gelandangan apabila mengalami masalah keciciran pada pendidikan.

4.1.3. Penglibatan ke dalam tingkah laku antisosial dan terjebak dengan jenayah

Selain itu, keciciran dalam pendidikan juga turut menyebabkan mereka ini terdedah kepada pengaruh rakan-rakan senasib. Mereka yang hidup tanpa mengikuti persekolahan sebenarnya secara tidak langsung turut membawa kepada aspek buruk yang lain. Kehidupan tanpa bersekolah ini membuatkan mereka ini terdedah dengan kehadiran rakan-rakan senasib yang berkongsi hidup seperti mereka. Gelandangan kanak-kanak yang akan lebih terpengaruh dengan pelawaan dan ajakan mereka. Kebanyakan masa yang banyak dihabiskan dengan rakan-rakan senasib. Kesemua ini boleh berpunca dari keciciran pendidikan walaupun secara tidak langsung. Hal ini demikian kerana, apabila seseorang kanak-kanak tidak mendapat pendidikan yang formal, kelakuan dan sahsiah mereka tidak dapat terbentuk dengan sempurna. Hal ini kerana sekolah merupakan pusat pembangunan moral yang amat penting kepada kanak-kanak yang sedang membesar. Bagi pandangan penulis sendiri, sekolah ini berfungsi sebagai kawalan sosial buat kanak-kanak. Dengan bersekolah ini membuatkan kehidupan mereka yang berutin dan mengikut peraturan. Malahan, kehadiran ke sekolah juga menyebabkan mereka dikelilingi dengan rakan-rakan yang lebih baik. Sekiranya gelandangan kanak-kanak tercicir daripada sistem pendidikan negara, mereka sememangnya akan berkumpul dengan golongan gelandangan yang lain dan meniru apa yang dilakukan oleh mereka. Hal ini amat bahaya terutamanya kepada gelandangan kanak-kanak kerana perbuatan yang diajar oleh gelandangan yang lain akan menjadi punca input bagi mereka yang masih kecil ini. Jenayah seperti mencuri, mengedar dadah, merogol, menyamun akan menjadi kelakuan antisosial kepada kanak-kanak tersebut. Hal ini berpunca daripada mendapat input yang salah daripada gelandangan yang lain. Oleh itu, pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak harus dititik beratkan oleh pihak tertentu untuk mengelakkan mereka menjadi penyebab jenayah kepada negara kita. Penting untuk agensi kerajaan, bukan kerajaan dan pihak berkepentingan untuk menyedari situasi yang berlaku. Keperluan dalam mencari solusi segera bagi membantu gelandangan kanak-kanak ini dalam mendapatkan pendidikan yang formal.

4.2. Kesan kepada ibu bapa

Selain kesan kepada gelandangan kanak-kanak ini, keciciran sebenarnya memberi kesan buruk kepada ibu bapa mereka. Mengupas kesan keciciran kanak-kanak gelandangan dalam pendidikan dari aspek ibu bapa pula, kesan yang paling ketara dapat dikaitkan adalah kanak-kanak gelandangan membesar menjadi tidak beradab kerana keketatan ilmu dari institusi keluarga yang tidak sempurna (Rahimah & Siti Sa'adah, 2017). Hal ini kerana, gelandangan kanak-kanak tidak mempunyai pemikiran yang seimbang dalam menilai kepentingan ibu bapa dan keluarga dalam kehidupan mereka. Mereka membentuk sikap yang tidak menghormati kedua ibu bapa. Ia sebagai suatu yang membimbangkan apabila sikap itu berterusan sehingga ke alam dewasa. Keadaan akan menjadi lebih meruncing apabila ibu bapa menginjak ke usia senja, anak-anak tidak akan mempedulikan keadaan uzur ibu bapa bahkan membebankan ibu bapa apabila terlibat dengan masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah yang akan memalukan ibu bapa (Rozmi, Nor Azri, Fauziah, & Salina 2017). Secara tidak langsung, ibu bapa akan terkesan dari sudut pengurusan tekanan dan emosi dalam mendepani tingkah laku tidak beradab anak-anak.

Di samping itu juga, kesan lain dari sudut ini juga ia tidak akan mengubah nasib keluarga ke arah yang lebih baik. Hal ini kerana, anak-anak yang menjadi gelandangan sepatutnya

mengubah nasib dan taraf hidup ibu bapa seterusnya menjadi generasi pemutus kitaran kemiskinan keluarga dengan ilmu pendidikan. Namun dengan situasi yang berlaku ini menyebabkan adalah mustahil untuk gelandangan kanak-kanak mengubah nasib keluarga. Tambahan pula, tidak dapat dinafikan lagi bahawa pendidikan adalah solusi yang mampu melonjakkan mutu kualiti anak-anak untuk menjadi insan yang dinamik dan mempunyai nilai murni yang kukuh dalam menghargai ibu bapa. Tanpanya lagi, gelandangan kanak-kanak akan hidup berlarutan sebagai gelandangan sepanjang hidup. Ketiadaan ruang atau peluang untuk mengubah nasib disebabkan oleh keciciran pendidikan. Jelaslah bahawa, keciciran anak-anak dalam pendidikan akan memberi impak yang besar dalam kehidupan ibu bapa. Hal ini demikian kerana, ibu bapa harus akui mereka adalah figura yang paling bertanggungjawab dalam menyediakan peluang pendidikan kepada anak-anak agar mereka membesar sebagai generasi yang berilmu bukannya masih terperuk dalam kancap atau masalah sosial yang akan memutuskan hubungan kekeluargaan seterusnya menyusahkan keluarga, agama, bangsa dan negara.

4.3. Kesan kepada masyarakat

Kesan keciciran pendidikan dalam gelandangan kanak-kanak terhadap masyarakat ialah mereka akan hidup dalam kegelisahan sepanjang masa kerana keselamatan tidak terjamin. Hal ini dikatakan demikian kerana keciciran pendidikan dalam gelandangan kanak-kanak menyebabkan peningkatan kadar jenayah. Kanak-kanak kurang pendidikan yang sempurna mudah terpengaruh dengan perkara buruk. Sifat dalaman kanak-kanak ingin mengambil risiko untuk mencuba sesuatu yang baru atau bahaya. Golongan kanak-kanak bertindak laku mengikut perasaan diri tanpa berfikiran. Mereka lebih utama kepada perasaan keseronokan dan kepuasan hati. Hal ini berpunca daripada sikap hedonisme yang diamalkan oleh gelandangan kanak-kanak. Mereka lebih mengamalkan budaya yang bebas dan mengutamakan hiburan pada diri. Keadaan ini menyebabkan wujudnya gelandangan kanak-kanak yang terpengaruh dengan tingkah laku antisosial disebabkan oleh pengaruh buruk yang hadir dari rakan-rakan senasib. Hal ini membuktikan pendidikan amat penting untuk melahirkan insan yang berguna kepada masyarakat. Kanak-kanak yang kurang pendidikan tidak dapat menilai perkara yang dilakukan baik dan buruk. Kekurangan sikap rasional menjadikan mereka lebih cenderung memilih aktiviti yang mendatangkan keburukan berbanding kebaikan. Kebanyakan aktiviti yang dilihat menyeronokkan ini sering membawa lebih banyak keburukan kepada mereka akhirnya. Kanak-kanak yang keciciran dalam pendidikan mempunyai masa lapang yang panjang. Kebanyakan mereka tidak mengisi masa dengan amalan yang boleh membawa faedah kepada mereka sendiri. Hal ini berpunca daripada masa yang dihabiskan dengan melakukan aktiviti yang tidak mendatangkan hasil yang positif. Lama-kelamaan, kanak-kanak mudah terpengaruh dengan kelakuan orang lain yang semakin liar sehingga sanggup melakukan jenayah berat seperti mencuri, peras ugut, dan menyamun. Situasi ini sering berlaku buat gelandangan kanak-kanak. Ia bukan suatu yang baru jika difikirkan sering diamalkan oleh gelandangan kanak-kanak yang wujud di dalam negara. Penglibatan antisosial sering membawa kepada kerosakan kepada harta benda dan juga keselamatan masyarakat sekeliling. Kesemua ini boleh menyebabkan masyarakat berasa bimbang dan risau apabila melakukan aktiviti di luar rumah atau di dalam rumah. Kerisauan sepanjang masa ini menjadikan kebebasan masyarakat dalam kehidupan seharian menjadi terhad.

4.4. Kesan kepada pihak kerajaan

Dalam isu gelandangan kanak-kanak ini, pihak kerajaan memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan masalah dalam negara dan luar negara. Pihak kerajaan perlu memperkenalkan polisi yang tertentu dalam menangani masalah gelandangan kanak-kanak di dalam negara ini. Hal ini kerana isu, gelandangan kanak-kanak telah menjadikan masalah sosial kepada negara Malaysia. Bukan itu sahaja, masalah gelandangan kanak-kanak juga didapati semakin bertambah pada setiap tahun. Penulis mendapati pihak kerajaan juga berusaha keras dalam menyelesaikan masalah gelandangan kanak-kanak tersebut dari terus berleluasa. Hal ini demikian kerana gejala gelandangan kanak-kanak ini telah mengancam keamanan dan keselamatan masyarakat. Menurut Bajet Kewangan Malaysia 2022, kementerian pendidikan telah memperuntukkan lebih kurang RM 52 bilion untuk pendidikan. Bajet yang sebanyak RM 52 bilion merupakan angka yang sangat besar dalam proses pembangunan. Keperluan dalam memastikan peruntukan ini dapat diperuntukkan dalam menyalurkan bantuan pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak ini. Hal ini penting untuk disegerakan bagi membolehkan gelandangan kanak-kanak berupaya menikmati kebolehan untuk mengakses pendidikan untuk tempoh masa segera. Seterusnya, permasalahan gelandangan kanak-kanak ini boleh memberi impak negatif kepada pihak kerajaan dan negara. Gelandangan kanak-kanak tidak seharusnya dipinggirkan kerana mereka sangat mudah dipengaruhi oleh persekitaran apabila berterusan tercicir dalam pendidikan.

4.5. Kesan kepada negara

Seterusnya, penulis juga mendapati keciciran ini turut dapat memberi kesan kepada negara juga. Kesan keciciran kanak-kanak gelandangan dalam pendidikan akan menyumbang kepada peningkatan kadar buta huruf dalam kalangan pelapis negara (Astro Awani, 2019). Kanak-kanak yang keciciran dalam memperoleh pendidikan yang sepatutnya akan menjadikan mereka tergolong dalam golongan yang tidak tahu membaca, menulis, mengira dan yang lebih parah adalah kegagalan dalam berkomunikasi dengan berkesan. Hal ini kerana kanak-kanak yang sepatutnya menjadi pelapis kepada pemimpin negara di masa hadapan malangnya berdepan dengan isu pendidikan disebabkan faktor kerenah birokrasi, tanggapan masyarakat serta protokol kerajaan yang banyak memisahkan mereka daripada memperoleh pendidikan yang sewajarnya. Kesukaran untuk gelandangan kanak-kanak mendapatkan pendidikan disebabkan oleh ketiadaan dokumentasi lengkap perlu diteliti semula. Hal ini kerana isu sebegini lebih disebabkan faktor birokrasi yang harus dicari penyelesaian segera. Keperluan buat semua kanak-kanak tanpa mengira tidak mempunyai dokumentasi lengkap, kaum, bangsa, status sosioekonomi untuk menikmati keupayaan untuk mengakses pendidikan segera.

Yang kedua adalah ialah negara akan kekurangan sumber tenaga kerja di masa hadapan. Gelandangan kanak-kanak ini sepatutnya berfungsi sebagai pelapis kepada negara. Mereka yang sepatutnya menjadi produktif dan mengubah nasib keluarga mereka sekaligus mengeluarkan diri mereka daripada kehidupan bergelandangan. Hal ini kerana, kanak-kanak gelandangan yang tidak memperoleh pendidikan adalah cenderung untuk membentuk kemahiran diri yang rendah dalam melakukan pekerjaan (Seribu Ombak, 2019). Ketiadaan pendidikan boleh mengagalkan mereka mendapatkan pekerjaan yang stabil dan baik ketika berada di usia dewasa. Hal ini disebabkan mereka tidak pandai untuk membaca dan menulis menyebabkan mereka sukar untuk mempelajari ilmu tidak formal yang lain yang memerlukan kemahiran fizikal seiring

dengan kemahiran berfikir dalam menyelesaikan sesuatu masalah atau melakukan sesuatu urusan.

Kanak-kanak gelandangan yang tidak memperoleh pendidikan banyak menghabiskan sisa kehidupan mereka dengan pekerjaan yang tidak memerlukan apa-apa kemahiran dan kelulusan seperti meminta sedekah, mencuri dan mengedar dadah. Aktiviti antisosial ini sebenarnya memberi pengaruh yang buruk apabila gelandangan kanak-kanak akan meneruskan aktiviti tersebut sepanjang hidup. Hal ini disebabkan mereka sendiri telah membentuk daya ketahanan yang sudah selesa dengan keadaan hidup sedia ada. Ketiadaan keinginan diri untuk memperbaiki nasib. Malahan, mereka sendiri tidak dipupuk dengan semangat dan perasaan untuk memperbaiki sosioekonomi yang ada. Perasaan terhadap nasib yang berlaku adalah takdir yang telah ditetapkan. Mereka tidak pernah terfikir kebolehan pendidikan yang mampu mengubah nasib mereka kelak. Ia suatu yang penting untuk dilakukan agar dapat mengubah gaya pemikiran bagi melihat kepentingan pendidikan kepada diri. Kerajaan perlu mula cakna tentang kesan yang boleh berlaku sekiranya isu gelandangan kanak-kanak ini dibiarkan tanpa solusi. Mereka tidak dapat menyumbang kepada negara sebagai tenaga kerja seperti buruh, pekerja kilang dan sebagainya. Malahan, pekerjaan yang dapat dilakukan selalunya tidak stabil dan tidak sah yang sebenarnya tidak mampu mengubah nasib mereka sebenarnya. Dan akhir sekali ialah yang ketiga adalah negara tidak dapat beralih ke fasa negara maju. Kesukaran buat negara bagi memastikan pelapis negara yang produktif apabila gelandangan kanak-kanak ini gagal membesar menjadi penyumbang yang baik buat negara. Menurut [Bustomy \(2017\)](#) syarat pertama sesebuah negara untuk memperoleh status negara maju adalah menyediakan pendidikan bermutu kepada semua penduduknya tanpa mengira status sama ada kanak-kanak biasa mahupun gelandangan. Keciciran dalam pendidikan boleh memberi kesan yang buruk kepada gelandangan kanak-kanak dalam tempoh jangka masa yang sangat panjang. Sekiranya nasib anak-anak gelandangan masih lagi terawang-awang dalam isu pendidikan, maka masih jauhlah jawapannya untuk melihat sesebuah negara itu diiktiraf sebagai sebuah negara maju. Jika isu ini tidak ditangani dengan segera, berkemungkinan Malaysia akan kekal berada di status negara membangun sahaja sehingga sesuatu perubahan dilakukan bersama pelbagai pihak. Maka, penting buat setiap agensi untuk menjadikan kertas konsep ini sebagai panduan dalam mendapatkan gambaran yang berlaku tentang gelandangan kanak-kanak di dalam negara. Kesemua kesan-kesan ini perlu dicelah bagi membantu mengeluarkan gelandangan kanak-kanak ini daripada kehidupan jalanan.

5. Cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyediakan pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak

Memang tidak dapat dinafikan bahawa gelandangan kanak-kanak telah menjadi satu cabaran bagi pihak kerajaan. Kesukaran dalam mengendalikan isu gelandangan kanak-kanak disebabkan ketiadaan solusi yang bersesuaian. Sehingga kini, masih belum ada lagi formula yang tepat dalam menguruskan isu gelandangan kanak-kanak ini. Keperluan dalam mengenal pasti pelbagai kaedah yang bersifat pengurusan, pemulihan dan penguatkuasaan dalam membantu gelandangan kanak-kanak yang ada. Hal ini demikian kerana pihak kerajaan selain menguruskan hal ehwal negara, mereka juga bertanggungjawab dalam menguruskan masalah sosial yang semakin berleluasa seperti gelandangan, gelandangan kanak-kanak, ini. Gelandangan kanak-kanak sebagai gejala sosial ini telah menjadi salah satu cabaran kepada kerajaan untuk membimbing negara ke arah yang makmur. Sebenarnya, terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam menangani gelandangan kanak-kanak ini. Keperluan untuk

memahami cabaran yang wujud dalam memahami tentang isu gelandangan kanak-kanak yang masih belum dapat diselesaikan. Oleh itu, penulis melampirkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dari segi pendidikan agar dapat mengurangkan gejala sosial dalam negara Malaysia. Penulis melampirkan cabaran yang boleh dihadapi seperti berikut:

5.1. Kekurangan Dana

Cabaran yang pertama yang dihadapi oleh pihak kerajaan adalah kekurangan dana. Ketiadaan peruntukan yang mencukupi boleh menjadi cabaran yang besar dalam menyalurkan perkhidmatan yang bersesuaian. Hal ini demikian kerana golongan gelandangan kanak-kanak merupakan satu kelompok yang besar. Keperluan sejumlah dana ataupun wang yang besar untuk memberi bantuan kepada mereka. Oleh itu, pihak kerajaan hanya dapat menyediakan peluang berpendidikan kepada sebahagian golongan gelandangan kanak-kanak (Norazizan, 2017). Walaupun bajet pihak kerajaan peruntukkan kepada pendidikan semakin meningkat tetapi hanya sebahagian daripada gelandangan kanak-kanak mempunyai peluang untuk mendapat akses kepada pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak kerajaan perlu menyediakan asrama, infrastruktur, utiliti, makanan dan sebagainya kepada gelandangan kanak-kanak (Ibrahim, 2019). Ini sangat berbeza dengan pelajar lain. Pelajar lain hanya menyediakan meja, kerusi, buku teks sahaja dan tidak memerlukan asrama dan makanan. Kos-kos ini telah menjadi bebanan kepada pihak kerajaan disebabkan dana kerajaan yang terhad dan tidak mampu menampung keseluruhan keperluan pendidikan dalam kalangan kanak-kanak. Impak dari hal ini, kerajaan mungkin mengalami kerugian kerana kehilangan sekumpulan rakyat yang berbakat atau berupaya menjadi salah seorang pemimpin negara kerana mereka tidak mempunyai peluang untuk berpendidikan.

Kebelakangan ini, terdapat satu pandemik iaitu Covid-19 telah melanda ke seluruh dunia. Semasa pandemik melanda ke seluruh dunia, banyak ekonomi di dalam negara tersebut mengalami merosot. Ramai firma terpaksa menghentikan operasi secara mendadak. Bukan itu sahaja, bidang pendidikan turut terkena tempas dan mengalami perubahan struktur pembelajaran. Pembelajaran bersemuka telah digantikan kepada pembelajaran secara atas talian (Mohamad Idham, 2020). Perubahan ini sangat membebaskan pihak kerajaan. Hal ini demikian kerana pihak kerajaan haruslah membekalkan rangkaian internet, komputer riba kepada golongan gelandangan kanak-kanak untuk pembelajaran secara atas talian. Gelandangan kanak-kanak yang tidak mendapat akses secara atas talian terpaksa ditangguhkan pembelajaran mereka kerana juga tidak mampu membeli komputer riba bahkan makanan dan tempat tinggal pun menjadi masalah terbesar kepada mereka (Aziz, 2021). Dalam pasaran sekarang, sebuah komputer riba memerlukan sejumlah RM 1500 yang paling minima. Bagi golongan gelandangan kanak-kanak ini, ia adalah suatu jumlah amaun yang sangat besar. Jika tanpa bantuan kerajaan, mereka terpaksa menghentikan pembelajaran mereka sehingga kes positif pandemik covid-19 ini dapat dikurangkan. Pandemik covid-19 telah membawa banyak kesan dari segi ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Jelasnya, pihak kerajaan mengalami masalah dana kerana ekonomi negara terpaksa berhenti untuk menyekat wabak ini terus melanda. Pihak kerajaan menghadapi cabaran dari segi dana untuk menyediakan peluang pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak.

5.2. Ketidakterjasaan Ibu Bapa Gelandangan

Selain itu, kerajaan juga menghadapi cabaran ibu bapa gelandangan tidak memberi kerjasama yang padu dalam menyampaikan pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak. Dalam isu ini, walaupun kerajaan telah melancarkan beberapa polisi dan program kerajaan seperti Program “Pendidikan Untuk Semua” yang bertujuan untuk meminimumkan kadar buta huruf dan memberi pendidikan untuk gelandangan kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen dan peluang untuk bersekolah di sekolah kerajaan. Namun begitu, terdapat juga sesetengah gelandangan ibu bapa yang tidak mengetahui dasar tersebut dan bersangka buruk terhadap keprihatinan kerajaan kerana menganggap bahawa program ini merupakan satu perangkap dan muslihat kerajaan untuk menangkap mereka yang tidak beridentiti seperti yang berlaku kepada pendatang asing tanpa izin dalam Program Imunisasi Nasional. Kerajaan juga mengalami kekangan dalam memberi pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak kerana terdapat segelintir gelandangan ibu bapa yang mengkhawatiri bahawa anak-anak mereka akan menjadi tumpuan kepada pihak tertentu dan menggunakan kelemahan tersebut untuk menangkap atau menyerbu mereka. Jadi, perkara ini dapat membuktikan mengapa terdapat juga gelandangan ibu bapa yang tidak mahu menghantar anak mereka untuk mendapatkan pendidikan walaupun peluang telah dibukakan peluang oleh kerajaan.

Sebagaimana yang diketahui oleh pencerahan di tajuk yang sebelumnya, adalah tidak dapat dinafikan juga bahawa kebanyakan daripada keluarga gelandangan datang dengan latar belakang yang rumit (Ramli, 2021) dan hidup dalam keadaan miskin tegar. Keadaan gelandangan ini sangat kompleks. Mereka terdiri daripada pelbagai komposisi yang ramai. Terdapat yang dari kalangan penagih dadah, miskin bandar, warga asing, tidak mempunyai rekod pengenalan lengkap, ibu tunggal dan sebagainya. Perkara ini juga merupakan cabaran kepada kerajaan dalam memberi pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak disebabkan gelandangan ibu bapa tidak menghantar anak mereka untuk mendapatkan pendidikan. Hal ini demikian kerana terdapat juga gelandangan kanak-kanak tidak mempunyai waris dan penjaga yang matang dan tidak mampu untuk menghantar anak mereka untuk bersekolah. Tanggapan buruk dan cabaran realiti kehidupan mereka menyebabkan gelandangan ibu bapa tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka untuk bersekolah kerana tidak mempunyai masa dan tenaga untuk berbuat demikian. Oleh itu, situasi ini turut akan menyukarkan usaha kerajaan dalam menangani isu pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak. Masalah gelandangan kanak-kanak ini akan menjadi isu yang berpanjangan tanpa sebarang solusi yang sesuai. Keengganan ibu bapa boleh menyebabkan masalah gelandangan kanak-kanak yang tidak berpendidikan ini tidak selesai. Maka, dengan itu, keperluan buat kerajaan untuk menjadi cakna tentang isu yang berlaku. Hal ini bagi memastikan masalah gelandangan kanak-kanak yang berlaku dapat diselesaikan dalam kadar segera. Keupayaan memastikan peluang dan akses gelandangan kanak-kanak kepada pendidikan membolehkan mereka menjadi pelapis negara yang produktif dan sekaligus mengurangkan masalah bergelandangan dalam kalangan mereka.

6. Kesimpulan

Isu gelandangan dalam kalangan kanak-kanak ini diharapkan dapat diatasi melalui kaedah pendidikan. hal ini kerana, pendidikan merupakan salah satu kaedah yang berkesan dan bermanfaat dalam mengubah nasib seseorang. Gelandangan ini akan terus mengulangi secara turun menurun jika pihak berkaitan tidak melakukan sesuatu kaedah

untuk menghalang dan menangani isu gelandangan ini yang semakin menular. Mereka akan berterusan menjadi pelapis gelandangan apabila meningkat usia dewasa. Perkara sebegini harus dielakkan agar mereka tidak menyumbang kepada lebih ramai gelandangan dewasa di masa kelak. Oleh itu, perbincangan kertas konsep ini sangat penting bagi memahami permasalahan gelandangan kanak-kanak ini dengan lebih lanjut. Selain itu, melalui kertas konsep ini juga penulis juga dapat mengupas faktor-faktor dan kesan gelandangan kanak-kanak yang berpunca dari keciciran pendidikan. Justeru itu, pihak kerajaan juga menghadapi cabaran dalam menyediakan pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak. Melalui perbincangan yang dilakukan ini, penulis telah membincangkan pelbagai aspek dan huraian yang komprehensif dan substantif terhadap faktor, kesan, dan cabaran yang akan dihadapi dan dilalui oleh seseorang gelandangan kanak-kanak sekiranya berlaku kesempitan dalam pendidikan. Maka dengan itu, setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan harus bersama membantu dalam memperkenalkan solusi yang bersesuaian bagi mengekang masalah gelandangan kanak-kanak yang berlaku di dalam negara ini.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis pertama sedang mempergiatkan penulisan beliau dalam isu gelandangan di Malaysia. Kebanyakan kajian penulis pertama adalah melibatkan gelandangan bekas banduan, penagih dadah dan gelandangan dewasa di sekitar Jalan Chow Kit. Kebanyakan sampel kajian beliau sebelum ini telah melibatkan ramai gelandangan yang merupakan ibubapa yang mempunyai anak-anak. Keadaan hidup yang miskin menyebabkan anak-anak ini telah terpaksa hidup secara bergelandangan mengikut kehidupan seperti ibubapa mereka. Kegagalan ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah disebabkan oleh pelbagai faktor yang telah dikupas di dalam kertas konsep ini. Keadaan ini telah membuatkan beliau menyedari tentang pentingnya isu keciciran pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak yang perlu dibincangkan dengan lebih rancak di peringkat tempatan Beliau yang kini sedang membuat kajian Doktor Falsafah dalam bidang Kerja Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia yang bermula semenjak Februari 2019 di bawah ketiga-tiga penulis bersama yang telah menjalankan tugas sebagai penyelia beliau. Para penulis bersama telah banyak membantu memberi inspirasi dan pandangan kepada beliau dalam menjalankan kajian-kajian berkaitan gelandangan di Malaysia ini.

Kewangan (*Funding*)

Penulis memperoleh geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penjanaaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk penulisan ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Suhael Adnan (2018, November 22). Kerajaan mahu tarik golongan muda sertai 'pekerjaan 3D'. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/500984/kerajaan-mahu-tarik-golongan-muda-sertai-pekerjaan-3d>
- Alias Azhar, Harlida Abdul Wahab, Yusramizza Md Isa @Yusuff & Ain Husna Mohd Arshad (2018). Jaminan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak dalam kerangka hak asasi kanak-kanak: amalan di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(10), 33-51.
- Aratani, Y. (2009). *Homeless Children and Youth: Causes and Consequences*. National Center for Children in Poverty: Columbia University
- Astro Awani. (2019, April 13). Pustaka Jalanan, perangi buta huruf dalam kalangan gelandangan [Video]. *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=0jPCPvGx7Qg>
- Aziz, F, B.. (2021, January 22). Isu pengajaran dan pembelajaran di rumah. *Sinaran Harian*. <https://fliphtml5.com/baqqv/txvw/basic>
- Bustomy Rifa Aljauhari. (2017, October 19). 8 Syarat Menjadi Negara Maju yang Harus Dipenuhi. *Ilmu geografi*. <https://ilmugeografi.com/ilmu-sosial/syarat-menjadi-negara-maju>
- Daryati, T. (2003). Praksis Pendidikan dalam Keluarga Gelandangan. *Jurnal Penelitian dan Evaluasi Pendidikan*, 5(6), 1-12).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Buta huruf. Retrieved from dewan bahasa dan pustaka: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=buta+huruf>
- Hamid Abdul Hamid. (2021, July 19). Tangani risiko buta huruf dengan program intensif 3M. *Khazanah Research Institute*. <http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Tutor%20Views%20FINAL%2020210719.pdf>
- Ibeng, P. (2021, October 14). Pengertian dokumentasi, pengkodean, fungsi, tugas, dan manfaatnya. *Pendidikan.co.id*. <https://pendidikan.co.id/pengertian-dokumentasi-pengkodean-fungsi-tugas-dan-manfaatnya/>
- Ibrahim, S. (2019, March 27). Pemberitahuan pertanyaan lisan dewan rakyat mesyuarat pertama, penggal kedua parlimen keempat belas. *Parlimen*. <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JDR27032019.pdf>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2018, November 1). Laporan Statistik 2017. Retrieved from [jkm.gov.my: https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Kawalan%20Standard/OP%E2%80%A2Latest%20FINAL%E2%80%A2Buku%20Laporan%20Statistik%2017%20JKM\(1\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Kawalan%20Standard/OP%E2%80%A2Latest%20FINAL%E2%80%A2Buku%20Laporan%20Statistik%2017%20JKM(1).pdf)
- Jewinly, S. (2014, April 10). Kesan Pergaulan bebas. Retrieved from Blog Spot: <https://stoppergaulanbebasremajakini.blogspot.com/2014/04/kesan-kesan-pergaulan-bebas.html>
- Ku Basyirah Ku Yaacob, Mohd Suhaimi Mohamad, & Norulhuda Sarnon (2017). Isu gelandangan di Malaysia: tahap kesihatan mental. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*, 119-131
- Malaysia, K. K. (2019). SPK-BIL.-1-2018 Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP).pdf.
- Mohamad Idham Md Razak (2020, April 9). COVID-19: Pembelajaran atas talian suatu keperluan ke arah menuju Malaysia maju. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arah-menuju-malaysia-maju-237496>

- Mohd Iskandar Ibrahim. (2021, September 14). KWP rangka pelan tangani masalah mental gelandangan. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864098/kwp-rangka-pelan-tangani-masalah-mental-gelandangan>
- Mstar. (2012, July 30). Kanak-Kanak Gelandangan Hadapi Risiko Terlibat Jenayah. *Mstar.com.my*:
<https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2012/07/30/kanakkanak-gelandangan-hadapi-risiko-terlibat-jenayah>
- Nan S. (2012). Sejarah pendidikan awal kanak-kanak. Retrieved from Blogspot:
<http://nansetphene.blogspot.com/2012/03/sejarah-pendidikan-awal-kanakkanak.html?m=1>
- Norazizan, S. (2017, March 20). Keberkesanan bantuan kewangan jabatan kebajikan masyarakat, kementerian pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat. Retrieved from www.jkm.gov.my:
https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/Laporan%20Akhir%20JKM%20Bantuan%20Kewangan%20220517_print.pdf
- Nor Azlinda Nordin (2019). Peranan tanggungjawab masyarakat terhadap pencegahan jenayah. Retrieved from www.islam.gov.my:
https://www.islam.gov.my/images/Berita/BPUU/cakna_2019/PERANAN_DAN_TANGGUNGJAWAB_MASYARAKAT_-_nota_2.pdf
- Norhafizan Ismail & Aliza Alias (2018). Cabaran guru prasekolah yang mengajar kanak-kanak. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)*, 102-109
- Prawiro, M. (2018, November 14). Pengertian pendidikan: Definisi, tujuan, fungsi, dan jenis pendidikan. Retrieved from [www.Maxmonre](http://www.maxmanroe.com):
<https://www.maxmanroe.com/vid/umum/pengertian-pendidikan.html>
- Rahimah Jamaluddin, Ab. Rahim Bakara & Siti Sa'adah Sulaiman (2017). Penerapan Nilai Kekeluargaan: Adakah Ianya Penting? *Sains Humanika*, 9(1-5), 87-92.
<https://doi.org/10.11113/sh.v9n1-5.1180>
- Ramli Abdul Rahim (2021, April 5). Kasihanilah nasib mereka. Retrieved from *Harian Metro*:
<https://www.hmetro.com.my/rencana/2021/04/691706/kasihanilah-nasib-mereka>
- Reuters, T. (2019, Ogos 21). 210,000 kanak-kanak jadi gelandangan di England. from *Berita Harian*:
<https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2019/08/598283/210000-kanakkanak-jadi-gelandangan-di-england>
- Roche, S., & Barker, J. (2017). Youth homelessness and its relationship with family conflict: Models for policy and practice. *Youth Homelessness and Its Relationship with Family Conflict: Models for Policy and Practice*, 1-53.
<https://doi.org/10.24268/fhs.8306>
- Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim, & Salina Nen (2017). Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. *Akademika*, 87(01), 7-16.
<https://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-01>
- Seribu Ombak. (2019, July 11). Bantu gelandangan pelajari kemahiran. Retrieved from [seribuombak](http://seribuombak.com):
<https://seribuombak.wordpress.com/2019/07/11/bantu-gelandangan-pelajari-kemahira/>
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid (2019). Peluang dan cabaran pendidikan dalam kalangan . Retrieved from www.core.ac.uk:
<https://core.ac.uk/download/pdf/11933841.pdf>
- Siti Nur Aaisyah Alias (2019). Pendidikan murid gelandangan: Cabaran dan implikasi. Retrieved from [www.Academia](http://www.academia.edu):

https://www.academia.edu/25901812/PENDIDKAN_MURID_GELANDANGAN_CABARAN_DAN_IMPLIKASI

The Columbia Electronic Encyclopedian (2012). Illiteracy: World illiteracy rates. Retrieved from Infoplease: <https://www.infoplease.com/encyclopedia/social-science/education/concepts/illiteracy/world-illiteracy-rates>

Yap, J. (2018, Mei 18). Gelandangan oh gelandangan. *Sinaran Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/83978/KOLUMNIS/Gelandangan-oh-gelandangan>